

'Najib ada kuasa mutlak'

BH - 12/11/2021 m/s 20

Saksi dakwa wujud pakatan sulit dalam urusan 1MDB

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mempunyai *ultimate power* (kuasa mutlak) dalam membuat keputusan terutama membabitkan pelaburan, keputusan kewangan dan kepentingan negara berhubung hal ehwal syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Mahkamah Tinggi di-beritahu semalam.

Bekas Ketua Pegawai Kewangan (CFO) 1MDB, Azmi Tahir, berkata sepanjang bertugas di syarikat itu, terdapat tindakan sulit di belakang yang disusun serta dirancang oleh ahli perniagaan Low Taek Jho atau Jho Low melalui arahan dan restu daripada Najib.

Saksi pendakwaan ke-12 itu yang membacakan pernyataan saksinya berkata, orang-orang tertentu dipilih dan disusun dalam pengurusan tertinggi 1MDB serta Lembaga Pengarah bagi memastikan tindakan dan arahan daripada belakang itu dilaksanakan.

Katanya, dari awal lagi Jho Low dengan dibantu bekas Setiausaha Sulit Najib, Allahyarham Datuk Azlin Alias akan me-



Azmi (kanan) hadir sebagai saksi pendakwaan ke-12 kes 1MDB di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam. (Foto Saifullizan Tamadi/BH)

mastikan pegawai tertentu dan boleh dipercayai untuk mengikut arahan mereka terutama arahan Jho Low.

"Saya boleh katakan bahawa sistem ini adalah berlapis (*work in silo*) dan arahan ini hanya diketahui oleh orang dalam lapisan itu melalui penyelarasan Jho Low dan Datuk Azlin. Arahan ini akan saya terima daripada mereka dalam bentuk mandat daripada Najib sebagai perdana menteri.

"Maka pegawai yang ada dalam sistem lapis ini terpaksa mengikut arahan Jho Low kerana setiap arahan daripada beliau adalah arahan daripada Najib dan ia selari dengan Artikel 117 *Memorandum and Articles Of Association* (Memorandum dan Artikel Persatuan) 1MDB," katanya.

Mengimbas pertemuannya dengan Jho Low, Azmi berkata, di

awal perkhidmatannya di 1MDB sebagai CFO pada 2012, Azlin yang ketika itu Pengarah Bahagian Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (JPM) menghubunginya dan memaklumkan bahawa beliau bercadang memperkenalkannya kepada individu penting dalam 1MDB.

Beliau yang menerima gaji RM40,000 hingga RM45,000 sebulan sebagai CFO di 1MDB berkata, itulah kali pertama beliau mendengar mengenai Jho Low yang diperkenalkan sebagai penasihat 1MDB kepada Najib.

Menurut saksi itu, beliau kali pertama bertemu Jho Low di pejabat lelaki dalam buruan itu di Kuala Lumpur City Centre (KLCC), selepas menyertai 1MDB dan selepas pertemuan terbabit, beliau mendapatkan pengesahan daripada Azlin sama ada arahan Jho Low itu benar dan boleh diterima pakai.

"Datuk Azlin pada ketika itu mengesahkan apa yang diberitahu oleh Jho Low kepada saya. Maka bermula daripada itu, setiap apa arahan yang diterima daripada Datuk Azlin dan Jho Low akan saya lakukan kerana saya percaya arahan berkenaan adalah mandat daripada Najib dan pengikutnya.

"Pada saya, peranan Jho Low amat ketara sebagai penasihat kepada Najib dan boleh dikatakan Jho Low ini adalah orang kanan Najib dan orang yang dipercayainya dalam urusan 1MDB ini," katanya.

Sementara itu, saksi berkata, surat antara 1MDB dengan Good Star Limited adalah palsu kerana selaku CFO, beliau tidak pernah mengeluarkan sebarang surat kepada syarikat berkenaan.

Menurutnya, Terence Geh Choh Heng yang ketika itu Pengarah Eksekutif 1MDB juga tidak mempunyai kuasa untuk menandatangani surat terbabit kerana Geh hanya pembantunya.

Sepanjang menjadi CFO 1MDB, tiada sebarang rekod yang menunjukkan 1MDB menerima pembayaran daripada Good Star dan tiada rekod menunjukkan Good Star berhutang dengan 1MDB.

Najib, 68, berdepan empat tuduhan menyalahgunakan kedudukannya untuk memperoleh rasuah berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.

Perbicaraan di hadapan Hakim Collin Lawrence Sequerah bersambung Isnin depan.